



21 MAR, 2023

Kebajikan anggota keselamatan diutamakan



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Kebajikan anggota keselamatan diutamakan

Kerajaan salur peruntukan selaras keperluan semasa warga PDRM

Oleh Safeek Affendy Razali dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan berusaha untuk memastikan aspek kebajikan setiap warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) diberi keutamaan termasuk proses menaikkan tangga gaji.

Usaha ini bukanlah hanya di-

buat secara bermusim terutama pada setiap kali ulang tahun Peringatan Hari Polis, sebaliknya secara berterusan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution, berkata berdasarkan Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari lalu, aspek kebajikan keluarga pasukan keselamatan itu menjadi keutamaan kerajaan.

"Bila kita perhatikan Belanjawan 2023 yang dibentangkan sebelum ini oleh Perdana Menteri aspek kebajikan seperti menaiktaraf kediaman warga PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebesar RM500 juta menjadi keutamaan kerajaan.

"Usaha menaik taraf kediaman ini adalah aspek kebajikan yang diberi perhatian termasuk isu



Al-Sultan Abdullah diriringi Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkenan memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan pada Istiadat Perbarisan Peringatan Hari Polis Ke-216 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

lain seumpama semakan semula tangga gaji," katanya selepas menghadiri Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-216 di sini, semalam.

Saifuddin berkata usaha untuk menyemak semula tangga gaji warga PDRM ini dilakukan secara berterusan oleh pasukan polis dan kementeriannya.

"Sebagai contoh, baru-baru ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meluluskan soal eluan khas kepada Unit Tindakan Khas (UTK) PDRM, jadi usaha itu bukan usaha bermusim dan kajian tentangnya ialah kajian yang berterusan," katanya.

Hargai sumbangan TNB

Dalam perkembangan lain, Saifuddin menyambut baik usaha syarikat utiliti negara iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang memberikan sumbangan sejumlah aset kepada PDRM.

"Sumbangan enam buah kenderaan pacuan empat roda untuk membantu penugasan operasi dan 25 buah kontena untuk penyimpanan barang rampasan kepada PDRM adalah sangat bermakna kerana ini akan meningkatkan keupayaan aset pasukan polis tanpa melibatkan kewangan atau bajet pasukan polis.

"Perkara ini lebih bermanfaat buat kami (KDN) di mana peruntukan boleh diijinkan tapi aset dapat ditingkatkan menerusi sumbangan sebegini," katanya.

Beliau berkata sumbangan oleh TNB ini diharapkan dapat dijadikan contoh kepada syarikat korporat yang lain.

Katanya, langkah pemberian sumbangan ini sekaligus meringankan beban kerajaan serta membantu kerajaan memberi fokus kepada usaha memulihkan ekonomi serta agenda rakyat kerana keamanan dan ketenteraan awam adalah kunci kepada segala-galanya.